


# Majlis Bacaan Yasin dan Solat Hajat Sempena Peperiksaan SPM 2021 SMK TP Bedaun



LABUAN – Panitia Pendidikan Islam SMK Taman Perumahan Bedaun (SMKTPB) berjaya menganjurkan Majlis Bacaan Yasin dan solat hajat sempena peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang bakal tiba pada 02 Mac 2022 . Majlis yang berlangsung secara dalam talian pada 24 Februari 2022, dimulakan dengan bacaan Yasin selepas solat Maghrib di kediaman masing-masing. Turut hadir bersama dalam program ini ialah guru-guru , ibu bapa dan juga murid-murid calon SPM 2021 yang beragama Islam. Pn. Norazita Binti Md Nor @ Shamsuri, Pengetua SMKTPB turut hadir bersama dengan barisan pentadbir SMKTPB. Untuk makluman, calon SPM sekolah ini ialah seramai 91 orang.

Menurut moderator, Ustaz Mohd Daud bin Abdul Rahman, tujuan utama program ini adalah untuk mendoakan kesihatan dan keselamatan semua warga pendidik, petugas di barisan

hadapan, murid- murid, keluarga dan masyarakat agar terhindar daripada ditimpa musibah wabak Covid-19. Program ini juga bertujuan untuk memohon kepada Allah SWT agar mereka yang dijangkiti wabak Covid-19 akan kembali sembuh dengan segera, di samping mendoakan kejayaan calon SPM dalam peperiksaan yang bakal tiba. Adalah diharapkan agar semua urusan anak-anak calon SPM dipermudahkan, diberikan kesihatan yang berpanjangan oleh Allah SWT dan sentiasa bersemangat untuk menghadapi saat-saat perjuangan kelak.

Selesai bacaan Yasin yang dipimpin oleh Ustaz Mohd Azman bin Abd. Rahim dan bacaan doa yang dipimpin oleh Ustaz Erzadiansyah bin Udad, majlis diteruskan dengan ucapan daripada Pn. Norazita, Pengetua SMKTPB. Dalam ucapannya, beliau merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran semua secara dalam talian. Bagi Pn. Norazita, majlis ini merupakan program kali pertama beliau bertemu dengan ibu bapa dan juga penjaga kerana beliau baharu memulakan tugas di SMKTPB sebagai Pengetua menggantikan En. Ag Rozlan mantan Pengetua sebelum ini. Beliau amat berharap agar ibu bapa dan penjaga dapat memberikan kerjasama dan komitmen yang baik kepada beliau dan juga pihak sekolah dalam memastikan kecemerlangan akademik, sahsiah dan kokurikulum di sekolah ini dapat terus direalisasikan.

Dalam ucapannya juga, Pn. Norazita mengharapkan agar ibu bapa sentiasa dapat menyuntik semangat kepada anak-anak calon SPM dan sentiasa mendoakan anak-anak agar dapat mencipta kejayaan dalam akademik dan sekali gus dapat mengekalkan pencapaian 100 peratus murid layak mendapat sijil seperti tahun- tahun sebelum ini. Beliau menjelaskan dalam kepimpinan Pengetua terdahulu, SMKTPB telah mencipta sejarah dalam keputusan peperiksaan SPM dengan pencapaian 100 peratus murid lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah yang melayakkan semua calon memperoleh sijil SPM. Beliau amat berharap agar calon SPM

2021 dapat meneruskan kejayaan ini demi masa hadapan masing-masing.

Sebelum mengakhiri ucapan, Pn. Norazita berharap agar calon SPM 2021 sentiasa mempunyai daya saing yang positif sesama rakan untuk mencapai kejayaan. Unsur penguatkuasaan diri perlu ada dalam jiwa setiap murid agar dapat berusaha dengan sendiri dalam jangka masa yang terdekat ini. Dalam jangka masa yang berbaki beberapa hari lagi, seharusnya murid dapat memberikan fokus yang sepenuhnya terhadap apa-apa sahaja yang disampaikan oleh guru. Usaha daripada murid sendiri amatlah penting kerana tiada jalan pintas untuk mencapai kejayaan dalam hidup. Pada akhir ucapannya, beliau berharap agar semua calon sentiasa menjaga kesihatan diri dan mendoakan agar semua calon memperoleh kejayaan yang cemerlang dalam SPM 2021.

Majlis diakhiri dengan solat Isyak dan solat Hajat di rumah masing-masing. TAMAT.

**Berita Oleh : SMK TP Bedaun**

---

**Majlis Mohon Restu Ilmu  
Calon SPM 2021 SMK Pantai  
IB World School**



**Labuan, 25 Feb** – Panitia Pendidikan Islam SMK Pantai IB World School Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan Majlis Mohon Restu Ilmu untuk calon-calon SPM 2021 dalam situasi norma baharu yang diadakan secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet dan Youtube yang disertai oleh para ibu bapa dan warga sekolah. Semua calon SPM menyertai majlis ini di dalam kelas manakala barisan pentadbir, AJK terlibat dan guru-guru yang mengajar tingkatan 5 berada di dalam bilik mesyuarat.

Objektif majlis tersebut adalah untuk menyantuni ibu bapa serta guru-guru dengan memohon doa, kemaafan dan memberi penghargaan kepada mereka yang telah menunjukkan sokongan dan kasih sayang, menjadi pendorong dan tenaga pengajar kepada calon-calon SPM 2021 sepanjang mereka belajar di sekolah ini.

Terdahulu majlis pada pagi Jumaat itu dimulai dengan bacaan Surah al Kahfi dan Yassin yang diketuai oleh murid kelas 5 Thinker iaitu saudara Aidil bin Hadis dan Mohd Arief Daniel bin Mohammad Azlan. Ini disusuli pula dengan bacaan doa yang diketuai oleh Muhammad Mukhriz bin Junait dari kelas 5 Caring. Ucapan wakil murid pula diwakili oleh Muhd Izam Mushadat bin Gasfar dari kelas 5

Inquirer.



Muhd Izam Mushadat bin Gasfar mewakili calon-calon SPM 2021 menyampaikan ucapan penghargaan & terima kasih kepada ibu bapa dan semua guru

Dalam majlis itu juga, doa memohon keberkatan kepada Ilahi telah dibimbing oleh Ustaz Muhammad Firdaus Shaifullah bin Mohd Abdul Karim. Amanat untuk calon-calon SPM 2021 pula telah disampaikan oleh Puan Haslindah Muawan (wakil Bidang Bahasa), Puan Jennifer bt Alip @ Janneffar (Ketua Panitia Sejarah dan wakil Bidang Kemanusiaan), Encik Abdullah bin Ali selaku Ketua Guru Bidang Teknik & Vokasional dan Encik Farid Arifin bin Md Arifin mewakili Bidang Sains & Matematik.

YDP PIBG Dr. Rosnelizaide bin Ramely selaku wakil ibu bapa turut menyampaikan ucapan berupa nasihat ringkas dan doa kepada calon-calon SPM 2021 serta ucapan terima kasih atas segala usaha guru-guru & pihak sekolah selama ini bagi membantu persediaan calon-calon ini untuk menduduki SPM kelak.



Semua calon SPM 2021 mengikuti Majlis Mohon Restu Ilmu di dalam kelas.

Pengetuanya, Encik Ismail bin Abdullah telah menyampaikan amanat kepada semua calon SPM 2021 agar menggunakan peluang pada majlis tersebut untuk memohon doa restu & meminta maaf daripada semua guru dan ibu bapa masing-masing. Beliau turut membacakan doa yang mengharapakan penghargaan dan keampunan kepada ibu bapa dan guru-guru serta kejayaan kepada semua calon SPM 2021 di sekolah itu. Beliau juga turut mengucapkan rasa terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua guru yang akan berpindah pada tahun ini.

Majlis itu telah diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada guru-guru yang akan berpindah dan penyampaian cenderahati kepada wakil calon-calon SPM 2021. Semoga dengan penganjuran majlis seumpama ini akan dapat memberi ketenangan dan motivasi kepada calon-calon SPM 2021, serta sekali gus menaikkan semangat kepada mereka untuk menghadapi peperiksaan nanti.

**SELAMAT MENGHADAPI PEPERIKSAAN KEPADA SEMUA CALON SPM 2021.**

**IKHLAS DARIPADA WARGA SMK PANTAI IB World School WP**



**LABUAN.**

**Berita disediakan oleh : Puan Asfalela binti Mohd Zain**



Pengetua SMK Pantai IB World School, Encik Ismail bin Abdullah berucap dan membacakan doa untuk calon-calon SPM 2021

---

**Guru Labuan Terbit Dalam  
Buku LaRIS**



Labuan, 25 Februari 2022 – Persatuan Penyelidikan, Inovasi, dan Kreativiti Labuan atau LaRIS (Labuan Research, Innovation and Creativity Society) berjaya menerbitkan buku kedua bertajuk “Bicara Ilmu, Inovasi, dan Kreativiti: Kompilasi Pembentangan CAIELTS”.

Pengerusi LaRIS selaku Ketua Editor, Dr. Hyginus Lester Junior Lee berkata, buku tersebut menghimpunkan penulisan pembentangan yang telah dibuat dalam CAIELTS (Creativity and Innovation Exhibition & Language Teaching Seminar), sebuah program antarabangsa yang diadakan setiap tahun.

Buku terbitan LaRIS kali ini mengandungi tiga bahagian iaitu kajian, inovasi, dan kreativiti.

Penulisan kajian telah disumbangkan oleh mahasiswa Pangasinan State University di Alaminos City, Filipina bertajuk “Effectiveness of code switching in teaching English language in public junior high schools in Alaminos City”. Panitia Bahasa Inggeris, SMK Mutiara Wilayah Persekutuan Labuan pula menerbitkan kajian tinjauan “Motivation in English language learning among school leavers: a survey”. Penulisan oleh panitia



tersebut merupakan kerjasama Noor Hasimah Mohd Ayub, Debbie Lawrence, Onnia Ahngol, dan Dr. Hyginus Lester Junior Lee.

Bahagian inovasi menghimpunkan laporan dan perkongsian inovasi daripada guru-guru dari negeri Pahang, Perak, dan Labuan.

Turut dimuatkan dalam buku ini ialah penulisan inovasi berkumpulan Timbalan Pengarah Pendidikan (Sektor Pembelajaran) Jabatan Pendidikan WP Labuan, Yahya Ahmad Puteh bersama Junaidah Baharuddin dan Roziah Abdul Rahman bertajuk "Sulaman Bahasa" untuk memudahkan murid membuat pendahuluan dalam membina karangan Bahasa Melayu.

Guru SMK Mutiara, Sylvianie William dan Dr. Hyginus Lester Junior Lee telah berkolaboratif menghasilkan penulisan inovasi bertajuk "Kad LoHEX" untuk meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid. Penulisan inovasi bahasa Melayu bertajuk "Roda Bahasa" dikongsi oleh guru bahasa Melayu SMK Mutiara, Junaidah Baharuddin, Norsuziana Amnor, Shafiq Abdul Aziz, dan Mohd Yusup bin Mohammad.

Penulisan kreativiti disumbangkan sendiri oleh Dr. Hyginus Lester Junior Lee, SISC+ Bahasa, Sektor Pembelajaran, tentang penggunaan One Page Data-Driven Projection yang membantu Ketua-ketua Panitia Bahasa Inggeris di Labuan memantau pencapaian dan perkembangan pentaksiran bilik darjah dan gred peperiksaan di sekolah masing-masing.

Buku Bicara Ilmu, Inovasi, dan Kreativiti: Kompilasi Pembentangan CAIELTS ini telah dilancarkan secara maya dalam Youtube oleh Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Yusup Haji Mohamad pada 7 Februari 2022.

Dalam ucapannya, Yusup mengucapkan tahniah kepada guru-

guru kerana bergiat aktif dalam kajian dan inovasi.

Beliau juga percaya bahawa penyertaan guru dalam aktiviti seumpama ini memberi peluang dan ruang kepada mereka untuk berkongsi idea dan kepakaran dengan dunia luar dan sekaligus membuktikan pendidik di Malaysia bersifat kompetitif dan mampu mengetengahkan kualiti amalan baik di peringkat antarabangsa.

Dr. Hyginus merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Labuan kerana sentiasa menyokong usaha LaRIS dalam membantu membangunkan profesionalisma guru di Labuan.

Beliau juga menggalakkan lebih ramai guru untuk menyertai the 7th Creativity and Innovation Exhibition & Language Teaching Seminar yang akan diadakan pada Ogos 2022.

Pelancaran buku Bicara Ilmu, Inovasi, dan Kreativiti: Kompilasi Pembentangan CAIELTS boleh diakses melalui <https://youtu.be/NQADFrBdc3g>

---

# **Hari Radio Sedunia Bagi Tahun 2022**



14 Februari 2022, LABUAN – “Radio dan Kepercayaan” merupakan tema Hari Radio Sedunia bagi tahun 2022 dimana hari tersebut disambut setiap tahun pada tanggal 13 Februari. Hari Radio ini disambut oleh penyiar radio diseluruh dunia dan tidak turut ketinggalan Ranchas’fm 107.5 Mhz juga turut bersiaran secara virtual langsung melalui platform Facebook. Sebagai radio rasmi SMK Rancha-Rancha , pada tahun ini sambutan Hari Radio Sedunia peringkat SMK Rancha-Rancha telah mengundang tetamu istimewa dari pelbagai latar belakang.

Dengan menampilkan ramai tetamu undangan dari Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, rancangan “Radio Merentas Zaman” edisi khas bersempena Hari Radio Sedunia buat tahun ini diterbitkan bagi berkongsi dan mendapatkan pandangan daripada generasi terdahulu dan anak muda berkenaan dengan penyiaran radio. Slot pertama “Frekuensi Nostalgia” membawakan perongsian yang menarik berkenaan dengan pengaplikasian teknologi radio pada zaman dahulu bersama dengan tetamu undangan iaitu Tn. Mazidi Rosli (Pegawai Bomba) dan Cik Zaharah Mat Jali (Mantan Pendidik).

Peredaran masa menjadikan komunikasi media khususnya radio semakin berkembang seperti apa yang dapat kita lihat seakrang ini penyiaran radio bukan hanya tertumpu kepada pancaran siaran radio, malah penyiaran radio sudah dapat diakses melalui internet.

“Secara jujur nya, saya masih lagi menyimpan radio yang menggunakan antena yang menjadi barangan antik di rumah saya dan kini saya hanya menggunakan telefon pintar sahaja untuk mendengar radio kerana lebih mudah untuk diakses dan mengikut peredaran zaman yang semakin maju ini yang mana kebanyakan benda didunia ini berada diujung jari sahaja”. –menurut Tn. Mazidi Rosli ketika ditemu bual oleh penyampai DJ Raziq dalam slot yang pertama.

Selain dari memberikan hiburan kepada pendengar, penyiaran radio juga sangat berperanan bagi menyebarkan dan menyampaikan maklumat yang berguna dan sahih. Malah penyiaran radio ini sudah semakin berkembang dengan wujudnya stesen radio khusus seperti stesen radio pendidikan yang menyampaikan maklumat yang berguna kepada pendengar.

“Radio merupakan satu pendekatan yang baik, radio ini sangat berguna dan sangat efektif kerana kewujudan radio dari zaman dahulu lagi menjadi satu sumber bagi rakyat terutama yang mendengarnya. Jadi radio ini merupakan saluran baik bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih kerana radio ini disiarkan. Sebelum kandungan radio ini disiarkan, pastinya pihak penyiaran mendapatkan kepastian dan menapis maklumat yang berkaitan untuk memastikan samada ianya sahih ataupun tidak”. –ujar Mukmin Nusril yang merupakan Aktivistis Masyarakat yang aktif di Selangor.

Turut tidak ketinggalan dua orang Pelajar SMK Ranche-Ranche yang turut serta dalam perkongsian sempena Hari

Radio Sedunia tahun ini dalam slot kedua iaitu “Radio Era Kini” yang juga ditemu ramah oleh penyampai DJ Raziq dan DJ Nasrul di Ranchas’fm secara virtual. Pendekatan penyiaran radio kepada generasi muda perlu diterapkan lagi bagi memastikan penggunaan radio pada masa kini tidak ditelan zaman. Lebih banyak manfaat daripada mudarat apabila menjadikan radio sebagai platform penyiaran utama bagi seorang generasi baharu.



Tetamu untuk segmen Radio Era Kini

Pengetua Sekolah Menengah Ranche-Ranche iaitu Ustaz Wan Azman bin Wan Awang berasa gembira atas program yang dilaksanakan oleh Pusat Sumber DSDN. Beliau melihat program tersebut bukan sahaja berjaya dari segi perancangan, namun apa yang lebih besar adalah kemenjadian pelajar dari aspek modal insan dengan penerapan nilai kerjasama, kemahiran komunikasi dan teknologi.





Pengetua SMK Ranche Ranche Ustaz Wan Azman bin Wan Awang  
"Kami ingin melahirkan pelajar yang berjaya mengharungi cabaran era abad 21, dengan menekankan aspek kemenjadian pelajar bertaraf dunia. Pelajar abad 21 perlu mahir menguasai aspek teknologi dan kemahiran berkomunikasi " ujar Cikgu Sapri Idris selaku pengurus Stesen Radio Ranchas' FM. Setelah tergendala selama 2 tahun sejak pandemic covid 19 melanda seluruh dunia, tahun ini SMK Ranche-Ranche merancang program atas talian dengan penglibatan komuniti dan pelajar seluruh Malaysia. Kami ingin menjadi contoh terbaik di Malaysia untuk sekolah penggerak digital.



Guru Perpustakaan dan Media SMK Ranche Ranche, Cikgu Sapri Idris

---

**Mengimarahkan Kekuatan  
Rohani Murid : SMK Mutiara  
Anjur Program Solat Hajat  
Dan Restu Ilmu Peringkat  
Sekolah Sebagai Persediaan  
Terakhir Calon SPM 2021**

SSN SMK MUTIARA

**MAJLIS  
SOLAT HAJAT PERDANA  
DAN IZIN ILMU  
SPM 2021**



SEKOLAH SUKAN HEBAT  
W.P. LABUAN

SEKOLAH TRANSFORMASI  
W.P. LABUAN

**ISNIN  
14  
FEB**

"MUTIARA HEBAT  
JUARA TERPAHAT"

- ⌚ 6.50 AM - Murid mengambil tempat di Dataran Perhimpunan
- ⌚ 7.00 AM - Ketibaan semua tetamu jemputan
- ⌚ 7.10 AM - Solat hajat
- ⌚ 7.20 AM - Ucapan En. Ag. Rozlan bin Manan, Pengetua SSN SMK Mutiara
- ⌚ 7.30 AM - Ucapan Tuan Yusup bin Hj Mohamad, Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan
- ⌚ 7.40 AM - Ikrar Pelajar - Agihan goodies kepada calon SPM
- ⌚ 8.00 AM - Majlis dijangka tamat

14 Februari 2022, Labuan – Sebagai satu usaha untuk menyediakan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) daripada segi emosi, rohani dan intelektual sebelum menduduki peperiksaan sebenar yang akan bermula pada 2 Mac 2022, Program Solat Hajat dan Restu Ilmu telah diadakan bertempat di Dataran Perhimpunan SMK Mutiara. Program ini diadakan mengikut norma baharu ekoran pandemik Covid-19 yang melanda negara tanpa dihadiri oleh ibu bapa dan penjaga murid.

Program yang telah dianjurkan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) bersama Panitia Pendidikan Islam SMK Mutiara ini bermatlamat melahirkan murid yang berbudi luhur, berketrampilan, berdaya saing dan cemerlang dalam membentuk sahsiah peribadi yang seimbang antara akhlak dan pencapaian akademik. Memupuk sikap hormat-menghormati, nilai budi serta sikap menghargai ibu bapa dan guru secara tidak langsung dapat menyemai perasaan menghargai, bersyukur dan berterima kasih murid kepada ibu bapa, guru dan pihak sekolah.

Hadir selaku tetamu jemputan dalam majlis ini ialah En. Yahya bin Ahmad Puteh, Timbalan Pengarah Sektor

Pembelajaran Jabatan Pendidikan WP Labuan dan Ustaz Sahrom bin Samlan, Penolong Pengarah Unit Pembangunan Adab dan Nilai Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Majlis dimulakan dengan solat sunat hajat berjemaah yang dipimpin oleh adik Muhammad Nur Iman bin Afandi daripada tingkatan 5 Ibnu Sina (IBS). Acara diteruskan lagi dengan bacaan doa-doa yang diketuai oleh adik Muhammad Mifzal bin Mohd Rapi yang juga daripada tingkatan 5 Ibnu Sina (IBS). Doa yang dipanjatkan ini dengan penuh pengharapan agar diberikan kemudahan, ketenangan, kelancaran semasa peperiksaan dan memperoleh keputusan yang cemerlang kepada semua calon yang bakal menempuhi peperiksaan SPM yang bakal dihadapi tidak lama lagi.



*Solat Sunat Hajat secara berjemaah yang diimamkan oleh wakil murid Tingkatan 5 iaitu adik Muhammad Nur Iman bin Afandi manakala bacaan doa pula telah dipimpin oleh adik Muhammad Mifzal bin Mohd Rapi.*

“Persiapan bagi menghadapi peperiksaan memerlukan persiapan yang rapi. Fokus kepada persediaan anda untuk berjuang mencapai kecemerlangan dan kejayaan demi menyambung keiltizaman sekolah dan harapan keluarga. Orang yang berjaya akan menunjukkan hasil namun orang yang gagal akan memberikan alasan”, ujar Encik Yahya bin

Ahmad Puteh dalam intipati ucapan khas motivasi terakhir daripada Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran yang mewakili Encik Yusup bin Hj Mohamad, Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan . Tambah beliau lagi, peperiksaan SPM ini adalah pintu utama bagi mengukur kefahaman, penguasaan, ingatan, kemahiran, kebolehan serta penghayatan murid terhadap sesuatu subjek yang telah dipelajari. Di samping berusaha bersungguh-sungguh semasa menuntut ilmu, seiring dengan doa dan amalan, kita seharusnya menyerahkan segala ketentuan kepada Yang Maha Esa ujar beliau lagi.

Ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua guru SMK Mutiara turut diucapkan diatas segala kerja keras warga guru yang tidak pernah lelah dalam membantu meningkatkan pencapaian murid. “ Saya yakin guru-guru yang hebat dan berpengalaman yang berada di SMK Mutiara ini menjadi nadi penggerak dalam mencipta sebuah sejarah kejayaan sekolah”, kata Encik Yahya bin Ahmad Puteh dalam suntikan semangat dan motivasi ini.

“Selain itu, saya juga ingin menekankan agar semua murid yang akan menduduki peperiksaan SPM untuk kekal patuh dan terus membudayakan kepentingan SOP di sekolah di dalam tempoh yang mencabar ini bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku yang akan menghalang murid untuk menduduki peperiksaan ini nanti”, tambah beliau lagi.

“Hubungan silaturrahim di antara warga guru dan murid dapat dieratkan diantara khususnya sewaktu program dijalankan. Semoga majlis yang mulia ini memperoleh keberkatan menjelang peperiksaan yang bakal tiba. Tahniah kepada Unit Bimbingan dan Kaunseling bersama-sama Panitia Pendidikan Islam dan kesemua pihak iaitu murid, guru serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang telah terlibat dalam menjayakan program kerohanian seperti ini”, kata Pengetua SMK Mutiara, Encik Ag. Rozlan bin Manan. Tambahnya lagi, selain daripada usaha yang telah



dilaksanakan oleh pihak sekolah ini, doa yang dipohon hendaklah seiring dengan usaha murid itu sendiri daripada aspek persediaan intelektual.

Majlis diteruskan dengan bacaan ikrar pelajar yang dipimpin oleh adik Muhammad Nurasliman bin Asmauwi daripada tingkatan 5 Hibiscus (HBS). Bacaan ikrar yang penuh iltizam ini dapat membangkitkan semangat murid dalam menjaga nama baik dan imej sekolah serta berusaha mencapai kejayaan cemerlang. Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan dan hadiah kepada kesemua murid yang hadir dalam majlis ini yang telah disumbangkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Mutiara. Diharapkan semua calon yang bakal menempuhi peperiksaan SPM ini diberikan kemudahan dan memperoleh keputusan yang cemerlang.



*Bacaan ikrar oleh kesemua murid Tingkatan 5 yang telah dipimpin oleh wakil murid iaitu adik Muhammad Nurasliman bin Asmauwi sebagai perjanjian dan semangat dalam persediaan menghadapi peperiksaan SPM yang akan tiba.*



*En. Yahya bin Ahmad Puteh, selaku Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan WP Labuan turut bersama-sama mengagihkan hadiah dan cenderahati yang ditaja oleh PIBG SMK Mutiara kepada semua murid Tingkatan 5 yang menghadiri majlis ini dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.*



*Majlis Solat Hajat dan Restu Ilmu yang telah dilaksanakan masih mengekalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) dengan melaksanakan solat hajat secara berjemaah dengan berjarak*

.

---



# Warga SMExcel Berjaya Tawan Puncak Kinabalu



Labuan, 7 Februari 2022 – Seramai 20 orang warga SM Sains Labuan (SMSL) berjaya menawan Gunung Kinabalu pada 3 hingga 4 Februari 2022. “Alhamdulillah, semua pendaki berjaya sampai ke puncak Gunung Kinabalu. Pendakian ini tidak mudah namun sudah pasti akan menjadi kenangan untuk kami sampai bila-bila. Kata Rohana Yasin selaku ketua delegasi SMSL yang turut disertai oleh guru-guru, staf dan juga ibu bapa sebagai wakil PIBG. Kumpulan pendaki SMSL ini juga dikenali sebagai Geng Hiking Excel (GHE).

Menurut Rohana, program pendakian ini bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan antara warga SMSL dan dalam masa yang sama program ini memberi peluang kepada pendaki yang terlibat untuk melihat keindahan Gunung Kinabalu.

Berkongsi pengalamannya, Rohana berkata, mereka telah menjalani latihan selama sebulan sebelum mendaki puncak tertinggi di Malaysia dan Asia Tenggara tersebut. Program ini telah dirancang sejak tahun 2019 lagi namun hanya dapat dilaksanakan pada tahun ini akibat pandemik

Covid-19 yang telah melanda seluruh dunia.

Bercerita lanjut mengenai perjalanan sepanjang pendakian itu, Rohana berkata, mereka telah memulakan pendakian dari Timpohon pada pagi Khamis, 3 Februari dan tiba di Panalaban pada jam 4 petang . Kemudian mereka memulakan pendakian menuju puncak Gunung Kinabalu seawal jam 2:00 pagi dan tiba di puncak pada jam 6:00 hingga 7:00 pagi pada Jumaat, 4 Februari 2022.

Katanya, antara cabaran yang dilalui oleh mereka adalah mengekalkan stamina berikutan oksigen yang semakin berkurangan ketika berada pada aras tinggi, cuaca hujan menyebabkan mereka terpaksa melalui jalan licin ketika menuruni Gunung Kinabalu dan pelbagai cabaran lain. Namun semua cabaran dan halangan tersebut dapat diatasi dengan adanya sokongan daripada rakan-rakan dan juga pendaki yang lain.



Semua pendaki GHE telah berjaya sampai ke puncak